



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

KEPULANGAN TIGA (3) ORANG MANGSA SINDIKET JENAYAH PENIPUAN TAWARAN PEKERJAAN DI MYANMAR

Tiga (3) orang warganegara Malaysia yang menjadi mangsa sindiket jenayah penipuan tawaran pekerjaan di Myanmar telah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada hari Selasa, 17 Januari 2023. Kesemua mangsa yang berusia di antara 19 hingga 33 tahun telah diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan lanjut.

Kementerian Luar Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkuasa Thailand dan PDRM yang telah bersama-sama dengan Kedutaan Besar Malaysia di Bangkok dalam membantu menyelamatkan mangsa sindiket jenayah ini.

Sehingga 16 Januari 2023, Kementerian telah menerima sebanyak 519 laporan melibatkan warganegara Malaysia yang menjadi mangsa jenayah sindiket penipuan di Kemboja, Laos, Myanmar dan Thailand. Daripada bilangan tersebut, seramai 373 orang telah berjaya diselamatkan, di mana 346 orang telah dibawa pulang ke Malaysia dan 27 orang lagi masih berada dalam depoh tahanan.

Kementerian melalui Kedutaan-Kedutaan Besar Malaysia di negara-negara yang terlibat bersama dengan PDRM akan terus melipatgandakan usaha bagi menyelamatkan baki seramai 146 orang mangsa sindiket jenayah ini.

PUTRAJAYA
17 Januari 2023



WISMA PUTRA